

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Sukan
Sent: Monday, November 12, 2018 3:18 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohamad Zaki bin Ahmad
Subject: LIGA SEPAK PENALTI SEMPENA PESKON UUM KE 31 ,2018 BERLANGSUNG MERIAH



12 NOVEMBER 2018 / 04 RABIULAWAL 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

LIGA SEPAK PENALTI SEMPENA PESKON UUM KE-31, 2018 BERLANGSUNG MERIAH



PSUKAN ONLINE : Debaran untuk mengetahui pasukan manakah yang akan mengungguli Kejohanan Liga Sepak Penalti Sempena PESKON UUM ke-31, 2018 terjawab sudah dengan berlalunya kejohanan pada petang semalam. Penyertaan yang melangkaui lebih daripada 80 pasukan yang membanjiri padang Pusat Sukan UUM sejak dari awal pagi dan akhirnya pasukan daripada Alor Setar, Last Minit FC berjaya menjadi juara bagi edisi pertama Liga Sepak Penalti ini dengan membolot hadiah pertama berjumlah RM 2000.00 berserta hadiah iringan.

Kejohanan yang julung – julung kali dianjurkan ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, Prof. Dr. Abdul Malek Bin Hj. Abdul Karim dengan menyempurnakan sepak mula kejohanan. Majlis turut diserikan dengan kehadiran serta sokongan daripada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Rusdi B. Omar, Dekan PPA, Ir. Md. Uzairin B. Saidin, Pengarah JPP, Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Adzrool Idzwan Ismail, SCIMPA, Yang Berusaha Dr. Che Aziz B. Yaacob, Pengetua Inasis Sime Darby dan En. Azhar Anis Mohamad, Pengetua Inasis MISC.

“Kejohanan yang bagus dan persaingan yang sihat. Saya harap agar kejohanan yang sama dapat di teruskan dan di buka juga penyertaan untuk siswi turut serta” kata Yang Berusaha Prof. Dr. Abd. Malek Bin Hj. Abdul Karim.

Selain daripada itu, kejohanan turut diserikan dengan kehadiran bintang bolasepak Kedah dan bekas-bekas pemain Kedah antaranya Baddrul Bahtiar, Shafizan Hashim, Mohd. Fadzli Baharom, Ifwat Akmal Chek Kasim, Shafik Jamal, Mohd. Sani Mohd. Isa, Fadzliata Taib dan Farhan Abu Bakar. Rata – ratanya cukup teruja dengan suasana pertandingan dan kagumi kemudahan yang ada di Pusat Sukan.

“Kejohanan ini akan dijadikan acara tahunan Pusat Sukan dengan nilai hadiah kemenangan akan di tambah bagi meningkatkan prestij kejohanan” ujar En. Zul Rusydi Hussin. Pegawai Belia & Sukan. Pusat Sukan.

Majlis penutup dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh En. Yahaya Bin Sani, Pengarah MARA Negeri Kedah. Keputusan penuh kejohanan, Johan Last Minit FC. Tempat Ke- 2 Pokok Pisang FC, Tempat ke-3 Ringgo FC dan tempat ke-4 HEP FC A.

=====

DARIPADA :
PUSAT SUKAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283560/3561
FAX : 04-9283552
EMAIL : pusur@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.